

18 MAR 1999

CUEPACS BANGKANG SARANAN PAS WANITA TIDAK PERLU BEKERJA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) membangkang keras saranan Pas bahawa wanita tidak perlu bekerja kerana ia hanya akan menafikan hak asasi kaum wanita.

Presiden CUEPACS Siva Subramaniam berkata wanita merupakan sebahagian besar tenaga kerja di dunia sekarang di samping mereka juga telah membuktikan kemampuan sebagai pemimpin termasuk dalam pertubuhan di peringkat antarabangsa.

"Lagipun ada lelaki yang tidak bertanggungjawab sehingga memaksa isterinya bekerja bagi menyara bukan sahaja anak-anak tetapi sisuami itu juga," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai saranan Pas yang telah dibangkang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai 30 anggota jawatankuasa kerja pusat CUEPACS mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin di sini hari ini.

Ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa fitnah yang dilemparkan ke atas kerajaan menjadi masalah keselamatan yang tidak boleh dipandang ringan, Siva berkata dalam menangani masalah itu rakyat perlu memperkukuhkan perpaduan yang selama ini menjadi benteng kuat negara.

Katanya, isu fitnah tidak boleh dibiarkan kepada polis atau agensi tertentu sahaja sebaliknya menjadi tugas semua rakyat untuk jangan mempercayainya apatah lagi yang disebarikan melalui Internet dan majalah asing yang mempunyai muslihat jahat sebaliknya.

"Yang penting rakyat harus kekalkan perpaduan yang kita semua hargai selama ini...dan menyokong kepimpinan Perdana menteri," katanya.

-- BERNAMA

MNY AKD